

Program kolaborasi khidmat masyarakat UMS-AIC-UCSF ceriakan Tanjung Lipat

VB 22.8.2019 B2

KOTA KINABALU: Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah melalui Kelab Ekonomi Kewangan bersama-sama Kolej Antarabangsa Almacrest dan pelajar Sarjana Pentadbiran Perniagaan UCSF baru-baru ini menjalankan program kemasyarakatan di Taman Teluk Awam, Tanjung

Lipat, Likas sebagai suatu usaha menceriakan kawasan berkenaan.

Program ini dijalankan melalui aktiviti pembersihan dan menceriakan kawasan itu menggunakan barang terpakai (*up-cycle*).

Kesemua sukarelawan yang terlibat menyediakan kemudahan tempat BBQ di samping menyediakan

tempat beristirehat menggunakan bahan terpakai.

Antara bahan terpakai yang digunakan antaranya termasuklah *ecobrick* iaitu sampah sarap daripada plastik yang tidak digunakan untuk diisikan ke dalam botol sehingga mampat yang mana ia bukan sahaja menjimatkan kos tetapi juga dapat menjaga alam sekitar.

Program yang diadakan di sekitar kawasan Taman Teluk Awam, Tanjung Lipat, Likas ini juga turut dihadiri Ketua Penerangan Majlis Belia Sabah Mohamad Zikri Zainudin, Penasihat Kelab Ekonomi Kewangan Dr Saizal Pinjaman, Mohamad Azril Sulaiman (Kolej Antarabangsa Almacrest) dan Jain Yasin (UCSF).



GAMBAR KENANGAN: Sesi bergambar sukarelawan Program Khidmat Masyarakat dari UMS, AIC dan UCSF.